



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 10 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

10/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	ADAKAN LEBIH BANYAK PUBLISITI PROGRAM PERKESO DI KAWASAN LUAR BANDAR: UGGAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/09/adakan-lebih-banyak-publisiti-program-perkeso-di-kawasan-luar-bandar-uggah	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://dayakdaily.com/greater-publicity-needed-to-promote-perkeso-programmes-in-rural-areas-says-deputy-premier/	DAYAKDAILY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	ALLEGED RAPE VICTIM DECLINED FURTHER EVALUATION, SAYS HEALTH DIRECTOR	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/09/alleged-rape-victim-declined-further-evaluation-says-health-director/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.dailyexpress.com.my/news/215940/alleged-rape-victim-declines-to-file-report-further-evaluation-health-director/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SYOR PELAJAR SEKOLAH JALANI UJIAN PSIKOLOGI	
	https://premium.sinarharian.com.my/article/227731/fokus/semasa/syor-pelajar-sekolah-jalani-ujian-psikologi	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	POLIS GIAT KESAN SUSPEK BUANG BAYI DI KEDAI JUAL AYAM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/polis-giat-kesan-suspek-buang-bayi-di-kedai-jual-ayam/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	YAYASAN SULTANAH FATIMAH SUMBANG 1,450 BEG SEKOLAH	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/09/yayasan-sultanah-fatimah-sumbang-1450-beg-sekolah/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WANITA DIBELASAH SUAMI GARA-GARA TAK MAKLUM BAWA ANAK KE KLINIK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267305/berita/semasa/wanita-dibelasah-suami-gara-gara-tak-maklum-bawa-anak-ke-klinik	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	20 TAHUN TIADA ANAK, WANITA TERGURIS DIGELAR MANDUL	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/20-tahun-tiada-anak-wanita-terguris-digelar-mandul/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SEFB SEDIA BANK TUALA WANITA PERTAMA DI UUM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267331/edisi/utara/sefb-sedia-bank-tuala-wanita-pertama-di-uum	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BOLING: BEREGU WANITA SUMBANG EMAS PERTAMA MALAYSIA DI BANGKOK	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/boling-beregu-wanita-sumbang-emas-pertama-malaysia-di-bangkok-427263	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	KANAK-KANAK LELAKI DUA TAHUN MAUT DALAM KEBAKARAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/kanak-kanak-perempuan-dua-tahun-maut-dalam-kebakaran/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/267283/berita/semasa/ibu-keluar-bekerja-kanak-kanak-2-tahun-maut-bilik-terbakar	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-dua-tahun-maut-dalam-kebakaran/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1124249/kanak-kanak-maut-terbakar-ketika-tidur-dalam-bilik	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-usia-dua-tahun-maut-kebakaran-bilik-427301	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/07/09/budak-dua-tahun-rentung-dalam-bilik-tidur/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://selangorkini.my/2023/07/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-maut-rumah-terbakar/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2204828	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	JANGAN PANDANG REMEH ANAK DIBULI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267249/suara-sinar/analisis-sinar/jangan-pandang-remeh-anak-dibuli	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	IBU BAPA BAYI LEMAS RATAPI KEHILANGAN ANAK	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/985901/ibu-bapa-bayi-lemas-ratapi-kehilangan-anak	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	KANAK-KANAK PEREMPUAN MAUT DIGILIS PACUAN EMPAT RODA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-pacuan-empat-roda/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=W-Q1xvtutzY	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/267274/berita/semasa/bayi-perempuan-maut-digilis-4x4-dipandu-sepupu	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1124167/bayi-perempuan-maut-dilanggar-kenderaan-dipandu-sepupu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/bayi-17-bulan-maut-digilis-kenderaan-sedang-mengundur/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=hseJtXlbXpc	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-maut-digilis-pacuan-empat-roda-dipandu-sepupu-427323	ASTROAWANI.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/09/bayi-perempuan-maut-dilanggar-4x4-dipandu-sepupu/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/07/09/bayi-perempuan-maut-dilanggar-pacuan-empat-roda/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=W6MXEWld8HE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PUKUL ISTERI HANYA KERANA BAWA ANAK KE KLINIK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985911/pukul-isteri-hanya-kerana-bawa-anak-ke-klinik	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dibelasah-suami-garagara-tak-maklum-bawa-anak-ke-klinik-427337	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

10/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	SUSPEK BUANG BAYI MASIH DICARI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985802/suspek-buang-bayi-masih-dicari	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS DIBERKAS DIPERCAYAI SIMBAH ASID	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267376/berita/semasa/warga-emas-diberkas-dipercayai-simbah-asid	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/09/kes-suami-isteri-kena-simbah-asid-warga-emas-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/pasangan-peniaga-roti-nan-disimbah-asid-wanita-warga-emas-ditahan/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124443/wanita-warga-emas-simbah-asid-kepada-sekeluarga-ditahan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BAYI 39 HARI MATI MENGEJUT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/267369/berita/semasa/bayi-39-hari-mati-mengejut	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/bayi-39-hari-meninggal-dunia-semasa-tidur/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/bayi-39-hari-meninggal-dunia-semasa-tidur/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : BUDAK LELAKI DITEMUI RENTUNG DALAM BILIK

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Sebuah bilik
terbakar di Flat
Taman Pantai
Bersih, Butterworth,
pagi semalam.
(Foto ihsan JBPM)

Budak lelaki ditemui rentung dalam bilik

Butterworth: Seorang kanak-kanak lelaki berusia 2 tahun ditemui rentung dalam bilik sebuah rumah di Flat Taman Pantai Bersih, di sini, pagi semalam.

Difahamkan, ketika kejadian mangsa dipercayai tidur berseorangan di bilik sebelum insiden itu disedari ahli keluarganya.

Pegawai Operasi Bomba dan Penyelamat Butterworth Mohd Nasir Idris, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan 8.29 pagi berhubung kejadian itu.

“Sebaik tiba di lokasi kejadian, kebakaran sudah dipadamkan jiran di kawasan itu.

“Kanak-kanak lelaki itu ditemui rentung dan mayatnya diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

“Ketika kejadian mangsa berseorangan di bilik itu, manakala nenek, ibu dan abangnya di ruang tamu sebelum menyedari kebakaran terbabit,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.



TAJUK : KANAK-KANAK MAUT DILANGGAR SEPUPU

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kanak-kanak maut dilanggar sepupu

Pemandu tak sedar mangsa di belakang ketika undur kenderaan

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Chukai: Seorang kanak-kanak perempuan maut selepas dilanggar kenderaan dipandu sepupunya di kawasan rumah mereka di Kampung Darat Kolam, Kerteh, malam kelmarin.

Mangsa, Syaza Syazwina Zahra Mohd Sazali yang berusia setahun lima bulan parah di kepala, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata polis menerima laporan kemalangan itu pada jam 10.30 malam dan siasatan awal men-

dapati mangsa dilanggar kenderaan pacuan empat roda dipandu sepupunya iaitu wanita berusia 19 tahun.

Keluar tanpa pengetahuan

"Sebelum kejadian, kenderaan itu di parkir di hadapan sebuah rumah dan pemandu kemudian memasuki kenderaan untuk bergerak ke rumah bapa mentua di Rasau, Dungun.

"Mangsa pula yang tinggal di rumah bersebelahan dikatakan keluar tanpa pengetahuan ibu-

nya dan berada di belakang kenderaan itu ketika ia sedang mengundur.

"Pemandu dikatakan melanggar mangsa yang menyebabkan dia parah dan meninggal dunia," katanya semalam.


Hanyan berkata, mangsa terkena tayar sebelah kiri kenderaan dan mayatnya dihantar ke Bilik Forensik Hospital Kemaman untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

“Polis menerima laporan kemalangan itu pada jam 10.30 malam dan siasatan awal mendapati mangsa dilanggar kenderaan pacuan empat roda dipandu sepupunya”

Hanyan Ramlan,
Ketua Polis Daerah Kemaman





TAJUK : PENGURUSAN RISIKO, KURSUS RENANG CEGAH KES LEMAS KANAK-KANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pengurusan risiko, kursus renang cegah kes lemas kanak-kanak



Oleh Dr Norlaile Salleh Hudin
bhrencana@bh.com.my

Lemas antara lima punca utama kematian kanak-kanak berusia 1 hingga 14 tahun di 48 negara mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Di negara ini, Jabatan Perangkaan merekodkan 591 kematian mangsa daripada bayi hingga 14 tahun antara 2017 dengan 2021.

Antara kes mutakhir ini ialah kanak-kanak lelaki 8 tahun lemas ketika percutian keluarga di Tanjung Malim dan kanak-kanak perempuan 7 tahun lemas ketika mandi di taman tema di Banting, bulan lalu.

Terbaru, bayi lelaki setahun tujuh bulan lemas di Sungai Ketil, Lubuk Pedati, Baling dipercayai mandi bersama bapanya menggunakan pelampung sebelum terlepas daripada pegangan lelaki itu.

Sebenarnya, kes kanak-kanak lemas bukan hanya di kawasan rekreasi dan luar rumah, bahkan di rumah seperti dalam tab mandi dan baldi di bilik air, walaupun kedalaman takungan air hanya 2.5 sentimeter.

Kajian dijalankan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memabitkan pegawai perubatan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengkategorikan lemas sebagai risiko kritikal terhadap kanak-kanak di pusat jagaan berbanding 22 risiko lain seperti melecur dan jatuh.

Menurut kajian lain pula, lemas dianggarkan sebanyak 13.1 peratus lebih kerap membawa maut kepada kanak-kanak berbanding kes pediatrik dirawat di jabatan kecemasan hospital. Tahun lalu, bomba mengenal pasti 47 lokasi berisiko tinggi berlaku kejadian lemas antaranya tali air, sungai dan

tasik di Selangor serta Terengganu.

Kes lemas sebegini menimbulkan persoalan punca kejadian. Berdasarkan kes sebelum ini, ia boleh berlaku apabila penjaga lalai mengawasi kanak-kanak di sekitar mereka. Sebenarnya, kanak-kanak boleh lemas hanya dalam tempoh 20 saat.

Kurang pengawasan orang dewasa

Kehadiran ahli keluarga dan orang dewasa lain juga boleh menyebabkan ibu bapa kurang memberi perhatian. Walaupun ada beberapa orang dewasa di sekitar tempat kejadian, mereka tidak menyedari keadaan kanak-kanak terkapai-kapai kelemasan, terutama apabila mandi dalam kolam padat. Ada kalanya, penjaga terlalu mengharapkan penyelamat hingga lalai mengawasi anak sendiri.

Kekurangan pengawasan membuka peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka kawasan sekitar secara bersendirian.

Dalam satu kejadian di Michigan AS, mangsa berusia 22 bulan didapati lemas dalam kolam hia-

san selepas merayau sendirian di sekitar rumah ketika penjaganya membuat sandwic.

Ada sebahagian ibu bapa melepaskan tanggungjawab kepada anak lebih tua untuk mengawasi adik padahal anaknya masih kanak-kanak atau remaja. Disebabkan kejadian lemas boleh berlaku dalam tempoh sangat singkat, abang atau kakak diminta berbuat demikian sukar mengambil tindakan pantas dan tepat kerana tidak tahu tindakan sepatutnya diambil.

Justeru, kes lemas patut dijadikan iktibar oleh ibu bapa supaya pengawasan ketat dibuat terhadap anak yang mandi-manda atau bermain di sekitar kawasan tali air, sungai, tasik dan pantai.


Sangkaan ibu bapa terhadap risiko mungkin tidak tepat berdasarkan beberapa faktor seperti personaliti kanak-kanak. Ibu bapa selalu menganggap kanak-kanak lasak menghadapi risiko lebih tinggi mengalami kemalangan berbanding yang kurang lasak hingga menyebabkan mereka kurang berbuat demikian.

Ada juga ibu bapa percaya peraturan keselamatan berkaitan had ketinggian ketika mandi di taman tema air atau kolam renang terlalu ketat hingga menyebabkan kanak-kanak mendapat sedikit pendedahan kepada aktiviti mencabar bagi menggalakkan perkembangan mereka.

Oleh itu, pemahaman terhadap risiko lemas tidak boleh diambil ringan, termasuk oleh ibu bapa dan pengusaha tempat percutian.

Kerajaan perlu menangani kes lemas menerusi kerjasama lebih berstruktur dan intensif antara sekolah, hospital dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya risiko kejadian itu dapat difahami lebih jelas dan langkah mitigasi dilakukan melalui pengurusan risiko, latihan pertolongan cemas dan kursus berenang kepada masyarakat.





TAJUK : BEKAS PEMAIN BOLA SEPAK DIDAKWA HARI INI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bekas pemain bola sepak didakwa hari ini

Petaling Jaya: Bekas pemain bola sepak kebangsaan yang didakwa mencerooboh bilik di sebuah hotel di sini, pada 21 Jun lalu akan dituduh di mahkamah hari ini.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisyoner Mohd Fakhrudin Abdul Hamid berkata, lelaki itu akan didakwa mengikut

Seksyen 448 Kanun Keseksanaan.

“Bekas pemain bola sepak itu dijangka akan didakwa ke mahkamah pada jam 9 pagi,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang lelaki yang juga kapten skuad bola sepak kebangsaan se-

kitar 2000 ditahan selepas dipercayai terbabit dengan kesalahan mencerooboh bilik di sebuah hotel.

Laporan polis mengenai dibuat seorang lelaki selepas mendapati bekas pemain bola sepak terbabit mencerooboh bilik hotel sebelum bertindak agresif hingga menyebabkan berlaku sedikit kekecohan.

Ketika kejadian, terdapat seorang wanita berada di dalam bilik terbabit yang juga isteri kepada pengadu itu.

Lelaki itu yang pernah beraksi bersama sebuah pasukan di utara tanah air dikatakan bertindak agresif hingga menimbulkan ketakutan terhadap wanita terbabit.



TAJUK : BUDAK PEREMPUAN MAUT BASIKAL REMPUH TAYAR LORI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Budak perempuan maut basikal rempuh tayar lori

Seremban: Seorang kanak-kanak perempuan maut selepas basikal yang ditungganginya dipercayai terlanggar tayar belakang sebuah lori sampah di Taman Pinggiran Felda Sungai Kelayah, Gemas pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tampin Superintendan Anuwal Ab Wahab berkata, dalam kejadian pada kira-kira 11.30 pagi itu, mangsa Aminah Mohd Hafis yang berusia tujuh tahun disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

"Siasatan awal mendapati, lori sampah jenis Mitsubishi yang dipandu lelaki berusia 55 tahun sedang

memasuki selekoh untuk mengutip sampah di kawasan berkenaan sebelum mangsa yang dari rumahnya secara tiba-tiba meluru sehingga terlanggar bahagian kanan tayar lori terbabit.

"Pemandu lori itu kemudiannya turun dan mendapati penunggang basikal tersebut berada di bawah tayar belakangnya," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Tampin untuk bedah siasat dan kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



“
Pemandu lori
kemudiannya turun
dan mendapati
mangsa berada
di bawah tayar
belakangnya
Anuwal

SEORANG budak perempuan maut selepas basikal ditungganginya terlanggar tayar belakang sebuah lori di Taman Pinggiran Felda Sungai Kelayah, pagi kelmarin.



TAJUK : BUDAK TIDUR DALAM BILIK MAUT TERBAKAR

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Budak tidur dalam bilik maut terbakar

Butterworth: Seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun maut dalam kebakaran di Flat Taman Pantai Bersih di sini, semalam.

Difahamkan ketika kejadian mangsa bersendirian dalam bilik dipercayai sedang tidur sebelum insiden itu disedari ahli keluarganya.

Pegawai Operasi Bomba dan Penyelamat Butterworth, Mohd Nasir Idris berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 8.29 pagi.

"Kejadian berlaku di sebuah bilik di rumah di tingkat dua bangunan namun ketika anggota bomba tiba, api sudah dipadamkan jiran.

"Terdapat kanak-kanak lelaki ditemukan maut yang mayatnya diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

"Ketika kejadian, mangsa



KEADAAN bilik terbakar yang menyebabkan seorang budak terbunuh.

seorang diri dalam bilik manakala nenek, ibu dan abang berada di ruang tamu sebelum mereka menyedari kebakaran," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih dalam siasatan.

Dalam pada itu, Mohd Nasir menasihati orang awam terutamanya yang tinggal di kawasan pangsapuri supaya meletakkan kenderaan di tempat betul sehingga tidak menghalang laluan jentera bomba.

"Ini berikutan dalam operasi itu, bomba berdepan kesukaran ke kediaman mangsa apabila terdapat kereta di parkir di kawasan tidak sepatutnya hingga menghalang laluan jentera. Hal ini mengakibatkan bomba lambat masuk, sekali gus merencatkan operasi pemadaman dan menyelamatkan," katanya.



KEADAAN di lokasi kejadian kebakaran yang mengorbankan kanak-kanak lelaki berusia dua tahun di Flat Taman Pantai Bersih, Butterworth.



TAJUK : DUA SENIOR DISIASAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



REMAJA CEKIK ADIK

Dua senior disiasat

Oleh Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

Alor Gajah

Polis membuka kertas siasatan terhadap dakwaan seorang pelajar lelaki berusia 14 tahun yang dibuli pelajar seniornya di sebuah sekolah di sini.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Arshad Abu berkata, kedua-dua pelajar lelaki berusia 16 tahun dipercayai terbabat dalam insiden itu sudah dipanggil untuk diambil keterangan.

"Keterangan diambil dan polis sedang lengkapkan kertas siasatan sebelum merujuknya kepada pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, siasatan di-

buka mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Media sebelum ini melaporkan remaja lelaki berusia 14 tahun dipercayai men-cekik adiknya sehingga mati di Bukit Piatu, Khamis lalu didakwa berubah sikap selepas menjadi mangsa buli.

Kejadian dikatakan berlaku jam 12 tengah hari dan ketika itu, hanya remaja terbabat bersama mangsa yang juga adiknya berusia sembilan tahun di rumah.

Bapa remaja terbabat berkata, sikap anak sulungnya bersekolah di Alor Gajah itu mula berubah selepas dibuli pelajar senior di asrama.

Dakwanya, anaknya itu dibuli sejak tingkatan satu, tetapi hanya mendiamkan diri sehingga berlarutan ke tahun ini dan semakin teruk sebelum mula mengadu kepadanya dan isteri.



TAJUK : JEJAK PELAKU BUANG BAYI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

BAYI ATAS LANTAI KEDAI JUAL AYAM

Jejak pelaku buang bayi

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Chukai

Polis masih mengesan individu yang membuang bayi perempuan di atas lantai kedai menjual ayam di Jabur Kubur, Jalan Air Putih di sini, pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, setakat ini tiada sebarang tangkapan dilakukan dan siasatan masih dijalankan.

“Kami meminta orang ramai yang ada maklumat membantu pihak polis.

“Kami juga mohon klinik awam dan swasta di daerah ini memaklumkan kepada



polis sekiranya menerima pesakit yang baharu melahirkan bayi,” katanya.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran.

Harian Metro sebelum ini melaporkan pekerja sebuah




Kami juga mohon klinik awam dan swasta di daerah ini memaklumkan kepada polis sekiranya menerima pesakit yang baharu melahirkan bayi,”

Hanyan

kedai menjual ayam terkejut selepas menemui bayi perempuan masih bertali pusat jam 7.50 pagi.

Bayi seberat 3.2 kilogram itu ditemui tanpa pakaian dalam keadaan menggigil kesejukan sebelum pekerja itu menghubungi polis.



TAJUK : JERITAN WANITA JAM 12 MALAM

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Jeritan wanita jam 12 malam

Jejantas berdekatan kolej kemahiran dan Pejabat Kemas Sri Gading dikatakan berhantu

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Jejantas berdekatan sebuah kolej kemahiran dan pejabat Kemajuan Masyarakat (Kemas) di Sri Gading yang jarang digunakan bukan saja kelihatan tidak terurus malah dikaitkan dengan kisah seram.

Jejantas yang dibina sejak belasan tahun lalu pada awalnya bertujuan memudahkan murid Tabika Kemas serta pelajar kolej menyeberang ke Parit Jelutong, dikatakan 'berhantu' menyebabkan ramai tidak berani melaluinya terutama pada waktu malam.

Nampak seakan-akan sukar dipercayai tetapi beberapa anggota Jabatan Suka-relawan Malaysia (Rela) yang bertugas berhampiran jejantas itu mengakui mereka kerap kali mendengar suara seperti orang sedang berbual serta jeritan wanita, baru-baru ini.

Berkongsi pengalaman dilalui, Penyelia Rela, G Subramanian yang bertugas di pondok pengawal Kemas sejak empat tahun lalu pernah melalui peristiwa menyebarkan.



SUBRAMANIAN

Bukan dia saja, malah lima lagi rakan sekerja turut merasai situasi sama apabila kerap diganggu ketika berehat dalam kereta atau

KEADAAN jejantas di hadapan pejabat Kemas Sri Gading terbiar dan usang hingga menimbulkan suasana seram. - Gambar NSTP /ALIAS ABD RANI

pondok pengawal.

"Pada mulanya, kami tidak ambil peduli mengenai jejantas ini tapi apabila ada perkara tidak dijangka berlaku, membuat kami lebih waspada.

"Selepas jam 12 tengah malam akan ada sesuatu yang tidak kena. Daripada apa yang saya dengar rakan yang mengalaminya, mere-

ka tidak boleh tidur jika menghadap jejantas itu.

"Ia seolah-olah pantang larang kerana jika tidak mengubah posisi, sama ada tidur diganggu ataupun ada seseorang datang menarik kaki dan sebagainya," katanya ketika ditemui.

Katanya, minggu lalu, dia bersama rakan terdengar suara wanita menjerit dan

pada mulanya menyangka ada pergaduhan namun apabila diperiksa, ia tidak seorang pun di atas jejantas itu.

Bukan itu saja, katanya, mereka juga pernah nampak kelibat 'dua beranak' berjalan-jalan dari jejantas menuju ke bangunan Kemas.

"Kita tahu itu tempat

'permainan' mereka. Jadi, biarlah asalkan jangan ganggu mereka," katanya.


Sementara itu, penduduk, Zayadi Mohd Hanafiah, 59, berkata, dia mengakui jejantas itu sunyi terutama waktu malam kerana tidak mempunyai lampu.

Menurutnya, walaupun jarang menggunakan jejantas itu, dia mengetahui kawasan itu kurang menjadi tumpuan disebabkan kedudukannya.

"Bila waktu malam, tiada lampu menyala, malah tiada sesiapa lalu di situ. Kalau siang, saya ada juga nampak pelajar pergi sekolah tapi tak ramai, kadang-kadang penduduk kampung berdekatan pun tak guna jejantas itu.

"Soal seram atau tidak saya tidak berani mengatakan tapi saya rasa mereka yang berada di sekitarnya pasti mempunyai cerita tersendiri.

"Keadaan jejantas itu terbiar kerana pembinaannya tidak strategik, sepatutnya bukan di situ (dibina), tapi di kawasan kilang atau masjid tidak jauh dari ini. Itulah lokasi yang paling sesuai, barulah kita boleh lihat orang setiap lalu melalui," katanya.



TAJUK : LELAKI WARGA MYANMAR PUKUL ISTERI DEK BAWA ANAK KE HOSPITAL

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki warga Myanmar pukul isteri dek bawa anak ke klinik

Ampang Jaya: Hanya kerana berselisih faham mengenai membawa anak ke klinik menyebabkan seorang lelaki warga Myanmar tergamak memukul isterinya di kediaman mereka di Jalan Tasik Tambahan di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, wanita warga Myanmar berusia 36 tahun itu bertengkar dengan

suaminya, 41, di kediaman mereka pada jam 2 petang.

Menurutnya, suspek bertindak memarahi, mencekik leher, menumbuk kepala dan badan mangsa kerana tidak berpuas hati isu berkaitan membawa anaknya ke klinik selepas kanak-kanak itu mengalami gatal-gatal.

“Susulan itu, pada jam 6 petang kelmarin, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BS-

JD) Ampang Jaya menahan suspek yang bekerja sebagai penyelia.

“Hasil pemeriksaan kepada mangsa mendapati mengalami kecederaan tisu di pipi kiri, dahi dan lengan kiri serta leher,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Azam berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.



TAJUK : MAUT DEPAN MATA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 01&03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MANGSA meninggal dunia d selepas dilanggar kenderaan dipandu sepupunya di Kampung Darat Kolum Kerteh, kelmarin.

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Chukai

Undur tak nampak bayi

Bayi 17 bulan maut dilanggar pacuan empat roda dipandu sepupu ketika mengundur

“**S**eharian bersama saya, dia sangat manja seperti tidak mahu berpisah, tetapi rupanya itu ‘isyarat’ dia nak tinggalkan saya.”
Begitu kata Mohd Szazli Ismail, 47, bapa kepada Syaza Syazwina Zahra, 17 bulan yang maut selepas dilanggar pacuan empat roda dipandu sepupunya dalam kejadian di Kampung Darat Kolum Kerteh di sini, kira-kira jam 6.40 petang kelmarin.
Mohd Szazli berkata, ketika kejadian dia berada di

rumahnya di Kampung Pengkalan Ranggon, Kerteh. Menurutny, isterinya Mazuin Abdul Rahim, 37, bersama mangsa dan empat lagi anak mereka pula pergi ke rumah adik iparnya di Kampung Darat Kolum yang terletak kira-kira lima kilometer dari rumahnya.”
“Saya dimaklumkan ketika kejadian, isteri saya sedang membasuh kereta di rumah


adik ipar dan arwah bermain dekat dengan kenderaan itu.
“Bila melihat sepupunya bermain berlari-lari di kawasan itu, Syaza Syazwina dikatakan berlari untuk bermain bersama dengan sepupunya.”
Katanya, ketika ditemui di Tanah Perkuburan Is-

lam Kampung Ranggon, Kerteh, petang semalam.
Menurutnya, pada masa sama, sepupu mangsa berusia 19 tahun yang memandu pacuan empat roda terbabat tidak sedar mangsa berada di belakang.
Katanya, sebaik mengundurkan kenderaan itu, sepupunya terlanggar

dengan mangsa lalu dia dikejarkan ke klinik kesihatan oleh ahli keluarga untuk rawatan.
“Saya kemudian menerima panggilan daripada ahli keluarga memaklumkan anak terbabat dalam kemalangan lalu bergegas ke klinik kesihatan terbabat.
“Pada mulanya saya ingat kemalangan itu kecil dan sebaik tiba di klinik, saya dimaklumkan anak sudah me-

ninggal dunia.
“Celoteh manjanya masih terngiang-ngiang sehingga membuatkan saya sangat sedih. Apa boleh buat...itu sudah ketentuan Ilahi, namun saya hanya mampu reda dengan apa yang berlaku,” katanya.
Jenazah arwah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pengkalan Ranggon, kira-kira jam 4-30 petang semalam.

Sepupu mangsa berusia 19 tahun yang memandu pacuan empat roda tidak sedar mangsa di belakang



TAJUK : SAMPAI HATI BUAT BEGINI!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MOHD Firdaus bersama Norizawati menunjukkan laporan polis yang dibuat kerana mendakwa ditipu seorang lelaki yang menyamar sebagai anggota tentera untuk urusan tempahan makanan.



BARANG mentah yang dibeli Mohd Firdaus yang mencecah RML500 sebaik menerima tempahan makanan.

Sampai hati buat begini!

Peniaga OKU tanggung kerugian lelaki tipu buat tempahan makanan tiga hari

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seorang peniaga mendakwa terpaksa menanggung kerugian apabila tempahan char kue-tiau kononnya untuk sebuah majlis selama tiga hari rupanya hanyalah penipuan.

Mohd Firdaus Mohamed Nor, 40, yang juga orang kurang upaya (OKU) penglihatan berkata, dia dihubungi seorang individu mengaku anggota tentera pada 5 Julai lalu.

Menurutnya, lelaki tersebut mendakwa ingin membuat tempahan beberapa menu air tangannya untuk majlis tertutup bermula 6

“Individu itu mengaku sebagai Sarjan Mohd Syakir dari sebuah kem tentera di Terengganu ingin membuat tempahan untuk satu majlis”

Julai hingga kelmarin.

“Individu itu mengaku sebagai Sarjan Mohd Syakir dari sebuah kem tentera di Terengganu ingin membuat tempahan untuk satu majlis.

“Tempahan itu dibuat bagi hidangan 120 orang untuk makan dua kali sehari dari 6 Julai hingga 8 Julai lalu dengan menu char kue-

tiau, mi goreng dan nasi lemak ayam berempah.

“Dia menghubungi saya sehari sebelum majlis dengan memberi alasan *last minute* menyebabkan terpaksa meminta bantuan saya untuk menyediakan menu itu,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mohd Firdaus yang hampir 10 tahun mengusahakan perniagaan char kue-tiau berkata, dia ada bertanya mengapa tidak mengambil katering di Terengganu namun pemanggil memberi alasan ‘majlis’ itu diadakan secara tertutup dan enggan diketahui ramai.

Menurutnya, dia ditemani isteri, Norizawati Abdul Latif, 50, yang juga OKU penglihatan segera ke pasar

pada pagi 6 Julai lalu bagi membeli barang basah memandang tempahan yang dibuat itu akan diambil jam 3 petang.

“Saya serta isteri cacat penglihatan dan sebaik menerima tempahan sebegini, kami agak teruja sebelum segera ke pasar dengan menaiki kenderaan e-hailing disebabkan tidak boleh memandu kereta.

“Kos pembelian bahan mentah mencecah RM1,500 dan sebaik tiba di rumah, kami segera menyiapkan menu untuk hari pertama kerana anggota tentera itu mahu mengambilnya kira-kira jam 3 petang.


“Bagaimanapun sehingga jam 4 petang, dia masih belum datang dan telefonnya juga sudah gagal dihubungi

sehingga hari ini...sampai hatinya membuat kami sebegini,” katanya.

Katanya, sebaik menyedari ditipu, dia membuat laporan di Balai Polis Nilampuri, di sini, bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

Sementara itu, sumber Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memaklumkan tiada anggota bernama Sarjan Mohd Syakir di kem tersebut selain nombor telefon yang digunakan juga bukan milik mana-mana kakitangan mereka.

Menurutnya, pihaknya tidak mengetahui motif sebenar individu itu memperkenalkan diri sebagai anggota tentera, namun sedikit-sebanyak turut menjejaskan imej ATM.



TAJUK : POLICE INVESTIGATING ALLEGED BULLYING OF MINOR

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

STRANGLING DEATH OF BROTHER

Police investigating alleged bullying of minor

ALOR GAJAH: Police are investigating the alleged bullying of a 14-year-old boy by his seniors at an Arabic boarding school here.

Alor Gajah district police chief Superintendent Arshad Abu said two 16-year-old schoolboys were suspects and had been summoned to give their statements.


"Police are completing the investigation paper before forwarding it to the state prosecutor.

"The case is being investigated

under Section 323 of the Penal Code for voluntarily causing hurt," he said when contacted yesterday.

It was reported on Wednesday that the 14-year-old boy had strangled his 9-year-old brother to death at their house in Bukit Piatu.

The boy was taken into custody and it is alleged that the boy had been bullied since last year at his boarding school. **Bernama**



TAJUK : TWO-YEAR-OLD DIES IN FIRE AT PENANG FLAT

HARI : ISNIN


AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



This combination picture shows the room where the boy was found dead (left) and the damage the fire caused to the flat in Taman Pantai Bersih, Butterworth, in Penang yesterday. PIX COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

STILL ASLEEP

Two-year-old dies in fire at Penang flat

BUTTERWORTH: A 2-year-old boy died in a fire at a flat in Taman Pantai Bersih here early yesterday.

The victim was found in one of the rooms in the second-floor flat.

Butterworth fire and rescue station operations officer Mohd Nasir Idris said they were alerted to the fire in the four-storey block of flats at 8.29am.

He said the fire damaged about 20 per cent of the flat.

"The fire occurred in one of the rooms, which was put out before we arrived.

"We found the child inside the room. However, upon checks, he was found to have died," said yesterday.

Nasir said the cause of the fire and the total damage had yet to be determined.

Acting Seberang Prai Utara district police chief Superintendent Siti Nor Salawati Saad said the boy was believed to be asleep in the room when the fire broke out.

She said investigations were ongoing.

It is learnt that at the time of the fire, the boy's mother had already left for work, his grandmother was taking a shower and other family members were still asleep.



TAJUK : 'INFO ON SOCSO AID SCHEMES MUST REACH OUT TO RURAL FOLKS'

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



(From left) Uggah presents Nancy with a locally-produced 'baju kebaya', as his daughter Natasha Nasa looks on.

'Info on Socso aid schemes must reach out to rural folks'

Marliya Tea

KUCHING: There should be more publicity and awareness programmes on the Social Security Organisation's (Socso) various schemes and assistance being carried out in the rural areas, said Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

He said such wider outreach would get more people in the target groups to join and benefit from the provisions made available by the organisation.

Speaking at the launch of 'WanitaBangkit @ KPWKM' programme at a community hall in Spaoh, Betong yesterday, Uggah said it had always been the government's intention to help the rural folks be it through infrastructure development, assistance, or even by helping them to generate income through their own efforts.

In this respect, he said programmes such as 'WanitaBangkit' meant to

empower women, particularly those really affected by the Covid-19 pandemic, having family issues, or were unemployed.

"This programme helps them as small entrepreneurs to rise up. Here, in Betong parliamentary constituency, we still face unemployment or remnants of poverty," said the Bukit Saban assemblyman.

He thus called upon the womenfolk in the constituency who were involved in the cottage industry such as making traditional handicrafts, biscuits or even 'kebaya', to 'roll up their sleeves' in producing high-quality products.

"Please make use of the new technology to increase your production. If you do not go the extra mile, others will," he said, adding that the government would come in to assist in terms of the marketing of their products.

Meanwhile in her speech earlier, Women, Family and

Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said a total of 3,181 women in Sarawak had taken part in the 'WanitaBangkit' programme.

She said those eligible and had registered for the programme would each receive a cash aid of RM500, which could be used as a capital for a small business.


She also advised the people to join the relevant Socso programmes.

"My ministry is currently assisting Socso in introducing its programmes to the people.

"There is a programme where Socso members who pay from as little as RM10 per month or RM120 per year, could have something to fall back on to in the event of an accident.

"Many are unaware of the programmes made available by Socso and as such, a lot must be done to promote them," said the federal minister.

Around 600 attended the event yesterday, including Betong MP Dr Richard Rapu.



TAJUK : DUITSMART KIDS' PROGRAMME ENTERS M'SIA BOOK OF RECORDS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

DuitSmart Kids' programme enters M'sia Book of Records

Galileo Petingi

KUCHING: The 'DuitSmart Kids' financial literacy programme organised by Smart Reader Worldwide and Hong Leong Bank entered the Malaysia Book of Records (MBOR) on Saturday for 'Most Children Graduated From A Financial Literacy Programme'.

The feat was made during the programme's graduation ceremony involving 1,789 pupils aged four to seven years.

MBOR Office manager Lee Pooi Leng announced the results at the event, which was held simultaneously at the Grand Riverine Ballroom in Jalan Petanak here and at the Chancellor Hall of the Management and Science University (MSU) in Shah Alam.

At the event in the Grand Riverine Ballroom, the certificate was signed by Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah.

Lee then presented the certificate to Aim Smart Academics Sdn Bhd operations and business development manager Norma John.

"This is to certify that Smart Readers Worldwide Sdn Bhd



Fatimah (back row, centre) together with (from back right) Lee and Norma in a photo call with the graduates. — Photo by Galileo Petingi

is listed in the MBOR for organising the 'Most Children Graduated from a Financial Literacy Programme involving 1,789 graduates,' she said.

Meanwhile, Fatimah congratulated Smart Reader Worldwide for teaching the children on financial literacy


through the 'DuitSmart Kids' programme.

Aside from teaching them on how to save their money, the programme also educated the children on how to earn, spend and share their money.

"For our SeDidik, the focus is to teach them on how to save.

However, I noticed that in Smart Reader Kids, the children are taught to earn, save, spend and share their money, which is very important.

"This is a very holistic (learning) module, and I think we should learn from Smart Reader Kids," Fatimah added.



TAJUK : PARENTS URGED TO NURTURE GOOD FINANCIAL HABIT FROM EARLY AGE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Parents urged to nurture good financial habits from early age

KUCHING: Parents are called to nurture their children's interest in good financial habits from an early age.

Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah said parents should encourage and educate their children to be financially literate.

"The rising cost of living is now an inexhaustible issue for everyone. For our future generations, we need to inculcate in-depth financial literacy and the importance of saving money among our children.

"The children then can spend prudently while earning an honest living. They will think twice on what they are going to spend their money on, and decide whether or not it is worth spending," she said at the graduation


ceremony of Smart Reader Kids Financial Literacy Programme held at Grand Riverine Ballroom in Jalan Petanak here Saturday.

Since saving money requires a tremendous amount of discipline, Fatimah said it was vital for parents to guide and advise their children to do so.

"Discipline is a must if they want to save. With proper guidance and education on savings, they will be financially literate," she added.

A total of 1,789 Smart Reader Kids pupils graduated from the DuitSmart Kids financial literacy programme which was conducted in collaboration with Hong Leong Bank.

Aim Smart Academics Sdn Bhd operations and business development manager Norma John was among those present.



TAJUK : SOCIETY INTRODUCES YOUTH AND WOMEN WINGS AT 18TH ANNIVERSARY CELEBRATION

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 10 JUL 2023

M/SURAT : 11

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Society introduces youth and women wings at 18th anniversary celebration

KAPIT: Che Quan Khor Moral Uplifting Society here recently unveiled the committees for its Youth wing, Women wing, lion and dragon dance troupes at its 18th anniversary celebration.

The dinner reception at Kapit Civic Centre here was attended by some 150 delegates from various moral uplifting societies nationwide, as well as some 400 locals.

The society's presence through its community services in helping the poor and needy is praiseworthy.

James Sandak

James Sandak, who is attached to Bukit Goram PBB Service Centre, represented Deputy Minister in the Premier's Department Jefferson Jamit Unyat to officiate at the event.

The Society, he said, has stayed relevant and played a significant role in nation-building and fostering unity among all Malaysians.

"Moral uplifting society advocates tolerance and mutual respect between religious communities and also high moral value and concerns for one another," James shared on what he had learned from the Society's chairman Kapitan Kong Cheak He.

